

Perjelas garis panduan pertahanan nyawa terancam

Satu garis panduan lebih jelas perlu dikeluarkan pihak berkuasa dengan kerjasama Majlis Peguam serta pertubuhan bukan kerajaan (NGO) berkaitan supaya orang ramai mengetahui maksud pertahanan diri terutama had diberikan melalui peruntukan undang-undang.

Isu ini hangat selepas satu insiden di Kerteh, Terengganu. Kejadian ini mendapat perhatian di media sosial. Justeru, garis panduan lebih jelas berhubung perkara ini perlu dihasilkan dengan segera bagi memberi pendedahan kepada masyarakat mengenai isu ini ketika ingin mempertahankan diri daripada sebarang ancaman terhadap nyawa, keluarga serta harta benda daripada penjenayah.

Hak seseorang mempertahankan diri wujud dalam Kanun Keseksaan (Akta 574) melalui Seksyen 96 hingga 106 Akta 574. Jika sesuatu perbuatan itu dibuat dengan niat jelas mempertahankan diri, seseorang itu dapat melepaskan diri mereka daripada kesalahan dilakukan seperti dinyatakan melalui Seksyen 96: "Tidaklah menjadi kesalahan apa jua yang dilakukan pada menjalankan hak pertahanan persendirian".

Berdasarkan peruntukan diberikan melalui Kanun Keseksaan itu, jelas wujud had terhadap tindakan mempertahankan diri yang boleh diambil mana-mana pihak. Namun, perkara itu hanya diketahui segelintir masyarakat terutama pihak berkuasa serta pengamal undang-undang. Kebanyakan orang awam tidak mengetahuinya kerana kurang pendedahan mengenai isu ini.

Pihak yang berkaitan boleh melakukan siri perbincangan atau forum umum supaya isu ini dapat difahami dengan jelas.